

26 FEB 1997

PM-sosial

BN AKAN JADIKAN AGENDA MASALAH SOSIAL DALAM PERBINCANGAN

BUKIT TINGGI (Pahang), 26 Feb (Bernama) -- Mesyuarat mingguan Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini turut membincangkan masalah sosial yang semakin parah di kalangan remaja termasuk pelajar.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata jemaah menteri berpendapat adalah wajar Barisan Nasional (BN) turut membincangkan perkara itu dalam usaha menangani gejala yang semakin serius itu.

Sehubungan itu, katanya BN akan mengadakan satu mesyuarat bagi membolehkan semua anggota BN turut memainkan peranan mengatasi masalah itu.

"Saya rasa semua pihak harus ambil berat mengenai masalah ini sebab itu kita rasa ada baik perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat BN," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata beliau menyokong tindakan Pergerakan Pemuda UMNO yang akan melancarkan program mengenalpasti sekolah-sekolah bermasalah dan pelajar yang kritikal.

"Jika mereka (pemuda) boleh buat ... kita boleh dapat maklumat mengenainya serta tindakan yang boleh diambil seterusnya," katanya.

Semalam, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pergerakan itu akan melancarkan kaji selidik secara terperinci di seluruh negara bulan depan bagi mengenalpasti sekolah-sekolah yang mempunyai masalah disiplin pelajar.

Di bawah kaji selidik itu, pergerakan itu juga akan mengumpul maklumat dengan kerjasama guru disiplin dan pelajar yang dikategorikan sebagai mempunyai masalah disiplin kritikal akan diserapkan ke dalam Briged Putra.

Mengenai cadangan meminda Akta Juvana 1972 supaya ibubapa bertanggungjawab terhadap anak mereka yang bermasalah, Dr Mahathir berkata beliau mahu meneliti dahulu cadangan itu sebelum membuat sebarang komen.

"Saya perlu tahu dahulu dengan terperinci mengenai cadangan itu. Saya belum tahu apa keputusan yang dibuat oleh pihak terbabit mengenai perkara itu," katanya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sebelum ini menyatakan cadangan akta itu akan dipinda supaya ibubapa bertanggungjawab terhadap anak mereka yang bermasalah.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan mesyuarat bersama pihak Polis yang diwakili oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor bagi membincangkan masalah sosial di kalangan remaja.-- BERNAMA

ARA ZAB OBA